



JIWA
SAINS
KEDAH

KERTAS KERJA
DERMASISWA
ASSAK

DISEDIAKAN OLEH :
ANIS HASLIZA ABD RAHIM
AHLI JAWATANKUASA DANA JSK

KERTAS KERJA DERMASISAWA ASSAK

1. Latar Belakang

Persatuan Alumni Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa, Sungai Petani, Kedah (Baru) (ASSAK) melalui Biro Pendidikan komited membantu pelajar Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa (SMSSMJ) dalam bidang akademik dan kebajikan.

Ramai pelajar cemerlang datang daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana yang memerlukan sokongan kewangan untuk meneruskan kecemerlangan. Bagi tujuan itu, ASSAK mengambil inisiatif mewujudkan Dermasiswa Assak sebagai dermasiswa tahunan untuk membantu pelajar yang berpotensi tinggi agar tidak terhalang oleh faktor kewangan. Pada masa yang sama kita juga tidak menghalang permohonan daripada pelajar dari latar belakang keluarga berpendapatan sederhana tetapi sangat-sangat berpotensi tinggi untuk cemerlang di dalam semua bidang.

2. Objektif Program

1. Memberikan bantuan kewangan kepada pelajar cemerlang dari keluarga berpendapatan rendah (B40) dan kurang kemampuan tetapi pada masa yang sama kita jugak tidak menutup peluang untuk pelajar dari keluarga berpendapatan sederhana (M40) demi mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan pelajar.
2. Menyokong pembayaran yuran PIBG, yuran dewan makan dan perbelanjaan bulanan.
3. Meningkatkan motivasi pelajar untuk mencapai kecemerlangan akademik dan sahsiah.
4. Mengukuhkan hubungan di antara alumni, sekolah, pibg dan komuniti.
5. Memupuk semangat Berilmu dan Berbudi di kalangan Alumni di samping dapat memberi kefahaman kepada pelajar yang dibantu untuk kembali Berbudi pada masa hadapan.

3. Kriteria Pemilihan Penerima Biasiswa

1. Dibuka kepada semua pelajar Tingkatan 2 hingga 5 (tahun penilaian semasa), SMS Sultan Mohamad Jiwa.
2. Cemerlang akademik
3. Aktif dalam bidang kokurikulum dan kepimpinan.
4. Berdisiplin serta berakhlak mulia. Tidak pernah dikenakan sebarang tindakan disiplin sepanjang persekolahan.
5. Keutamaan akan diberikan kepada pelajar dari keluarga berpendapatan rendah, kurang RM5,000.00 sebulan.
6. Proses pencalonan melalui unit HEM (B&K), disokong oleh PK HEM dan disahkan oleh Pengetua.
7. Pihak Ahli Jawatankuasa Dana JSK akan memutuskan senarai akhir penerima Dermasiswa Assak dengan persetujuan Presiden ASSAK.

4. Bentuk Bantuan

1. **Dermasiswa Penuh** (pelajar cemerlang dari keluarga berpendapatan kurang RM5,000.00 sebulan)
 - Bantuan yuran PIBG (mengikut kadar semasa). Disalurkan terus ke akaun PIBG (selepas Mei)
 - Bantuan yuran dewan makan (mengikut kadar semasa). Disalurkan terus ke akaun sekolah. (awal tahun)
 - Elaun bulanan RM50 selama 11 bulan (RM550 setahun). Disalurkan secara tunai atau kredit ke akaun bank pelajar setiap awal bulan.
 - Tempoh bantuan: Januari hingga November
2. **Dermasiswa Separa** (pelajar cemerlang dari keluarga berpendapatan melebihi RM5,000.00 sebulan)
 - Bantuan yuran PIBG (mengikut kadar semasa). Disalurkan terus ke akaun PIBG
 - Elaun bulanan RM50 selama 11 bulan (RM550 setahun). Disalurkan secara tunai atau kredit ke akaun bank pelajar setiap awal bulan.
 - Tempoh bantuan: Januari hingga November

5. Anggaran Perbelanjaan Tahunan (RM)

Pilihan 1

Kategori	Bil. Pelajar	Yuran PIBG (RM) A	Yuran Makan (RM) B	Elaun 11 Bulan (RM) C	Jumlah (RM) A+B+C
	1	370	292	550	1,212
Tingkatan 2	3	1,110	876	1,650	3,636
Tingkatan 3	3	1,110	876	1,650	3,636
Tingkatan 4	3	1,110	876	1,650	3,636
Tingkatan 5	3	1,170	876	1,650	3,696
JUMLAH KESELURUHAN	12 orang	4,500	3,504	6,600	14,604

Pilihan 2

Kategori	Bil. Pelajar	Yuran PIBG (RM) A	Yuran Makan (RM) B	Elaun 11 Bulan (RM) C	Jumlah (RM) A+B+C
	1	370	292	550	1,212
Tingkatan 2	5	1,850	1,460	2,750	6,060
Tingkatan 3	5	1,850	1,460	2,750	6,060
Tingkatan 4	5	1,850	1,460	2,750	6,060
Tingkatan 5	5	1,950	1,460	2,750	6,160
JUMLAH KESELURUHAN	20 orang	7,500	5,840	11,000	24,340

Nota :

1. Pengiraan di atas adalah berdasarkan jumlah Dermasiswa Penuh
2. Dermasiswa Separa (jika ada) hanya akan menerima tajaan yuran PIBG (A) + Elaun 11 bulan (C) iaitu RM920 seorang

6. Sumber Dana

Pembiayaan adalah melalui Dana JSK.

Kaedah-kaedah pembiayaan akan diperolehi melalui pelbagai sumber kewangan seperti sumbangan korporat dan individu yang terdiri daripada alumni, ibu bapa dan orang awam, aktiviti-aktiviti jualan amal, program-program khas mendapatkan dana dan kempen sumbangan Tabung Dermasiswa ASSAK, serta kerjasama dengan sektor korporat melalui sumbangan Zakat Wakalah jika ada.

7. Pelaksanaan & Pemantauan

- 1 Dermasiswa ini adalah dermasiswa tahunan. Pelajar perlu memohon melalui Unit Hal Ehwal Murid (HEM) menggunakan borang rasmi yang disediakan setiap tahun dan melalui proses pemilihan mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2 Jawatankuasa Dana JSK akan bekerjasama dengan pihak sekolah dalam mengurus proses pemilihan, temuduga dan penyaluran bantuan .
- 3 Sekolah akan membantu dalam pengesahan penerima dan pemantauan prestasi dan disiplin.
- 4 Surat amaran akan diberikan jika penerima dermasiswa melanggar disiplin sekolah atau dikenakan tindakan disiplin oleh mana-mana pihak. Jika masalah disiplin berulang, pihak Dana JSK akan menghentikan bantuan serta merta.
- 5 Laporan tahunan akan disediakan oleh pihak Biro Pendidikan bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti kepada penyumbang.
- 6 Ahli Jawatankuasa Dana JSK akan berbincang bagi menentukan jumlah penerima dermasiswa yang layak untuk tahun semasa dan jenis dermasiswa yang akan diberikan, sama ada Dermasiswa Penuh atau Separa selepas proses permohonan dilakukan
- 7 Penambahbaikan dari sudut jumlah penerima dermasiswa dan juga jumlah bantuan dermasiswa yang akan disalurkan akan dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan kemampuan kewangan dan juga keyakinan serta kepercayaan daripada pihak penyumbang dana terhadap projek dermasiswa ini.

9. Penutup

Program Dermasiswa Assak ini diharap menjadi inisiatif berterusan dalam membantu pelajar SMS Sultan Mohamad Jiwa mencapai potensi tertinggi mereka.

Sumbangan dan tajaan daripada badan korporat, alumni, ibu bapa serta orang awam amat dihargai bagi menayakan misi ini, sekali gus menyemai semangat "Terus Berbudi" dalam kalangan warga sekolah dan alumni serta ibu bapa.

Disediakan oleh:

Anis Hasliza Abd Rahim
Ahli Jawatankuasa Dana JSK

Syra Lawrance Maidin
Setiausaha Jawatankuasa Dana JSK

Disokong oleh:

Hasanin bin Ahmad
Presiden
Persatuan Alumni Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa, Sungai Petani,
Kedah (Baru) (ASSAK)
Sessi 2025-2028

Tarikh : November 2025

Tempat : Sungai Petani, Kedah